

### Buktikan jika benar dapat rumah RM400,000

KUALA LUMPUR - Mangsa kes perobohan kediaman berhampiran Masjid Sultan Abdul Aziz Shah di Subang baru-baru ini, menafikan dakwaan ada menerima tawaran kediaman bernilai RM400,000 yang tular di Facebook.

Setakat ini, kedua-dua mangsa difahamkan hanya menerima tawaran dari kerajaan pusat untuk menetap di rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 serta tawaran dari kerajaan negeri Selangor untuk menetap di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kota Damansara dengan percuma selama setahun.

Abdul Razak Said, 50, berkata, buat sementara waktu, dia menerima tawaran daripada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar demi melancarkan rutin harian keluarganya termasuk hal keperluan persekolahan anak-anak.

"Sekolah dekat, kedai yang ditawarkan sewa sebanyak RM300 sebulan juga berhampiran dengan rumah. Jadi ia memudahkan.

"Namun tawaran dari kerajaan negeri saya belum tolak.



Abdul Razak ketika berkongsi situasi dan kronologi kes melibatkan perobohan rumahnya berhampiran Masjid Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Saya masih pertimbangkan.

"Dakwaan saya ada terima tawaran rumah bernilai RM400,000 adalah tidak benar. Jika ada, buktikan," katanya.

Abdul Razak ditemui ketika Forum Robohan Subang-Mimpi Ngeri Sebuah Kerajaan Peduli Rakyat anjuran Solidariti Anak Muda Malaysia, kelmarin.

Forum berkenaan dibarisi panelis termasuk dari Parti Sosialis Malaysia (PSM) dengan memfokuskan isu tindakan perobohan berkenaan yang disifatkan sebagai bentuk penganiayaan kepada rakyat.

Abdul Razak pada masa sama berkongsi situasi dan kronologi sebenar kes berkenaan yang mem-

bawa kepada tindakan itu.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, dia berharap kes berkenaan menjadi yang terakhir berlaku terhadap rakyat.

"Saya terima apa yang berlaku dan berharap saya dan Pak Akob adalah mangsa terakhir. Minta kerajaan negeri tidak sambil lewa," katanya.

Sementara itu, difahamkan PSM akan meneruskan tindakan mahkamah berhubung isu perobohan berkenaan.

"Walaupun mangsa sudah terima tawaran rumah dan sebagainya, kita anggap isu ini perlu diperjuangkan kerana pada kita ia tetap perobohan haram," katanya.